

20 JAN 2003

Hishamuddin-Aziz

ABDUL AZIZ DILANTIK SEBAGAI KETUA PEMUDA UMNO KEDAH

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir hari ini dilantik sebagai Ketua Pemuda Kedah menggantikan Ariffin Man.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein berkata pelantikan Abdul Aziz itu berikutan pelantikan Ariffin sebagai setiausaha eksekutif Badan Perhubungan Umno Kedah 1 Dis lepas.

Pelantikan ini adalah untuk memperkukuhkan Pemuda negeri Kedah kerana Ariffin sebagai setiausaha, akan membantu Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menggerakkan jentera parti negeri, katanya kepada wartawan selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda di ibupejabat Umno di sini.

Beliau yakin Abdul Aziz akan membantu Pemuda bergerak lebih agresif dan bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya umum di Kedah kelak.

Hishamuddin berkata pelantikan itu telah dimaklumkan kepada presiden parti dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setelah dibincangkan dengan Pemuda Negeri.

Beliau berpendapat pelantikan Abdul Aziz itu sehaluan dengan aspirasi pucuk pimpinan sekarang iaitu sesiapa saja yang komited dan bersungguh-sungguh hendak bersama memastikan kemenangan parti, Pemuda tidak akan teragak-agak untuk menonjolkannya.

"Oleh itu tidak menjadi masalah besar untuk naib ketua Pemuda (Abdul Aziz) turun ke negeri Kedah memegang jawatan Ketua Pemuda Umno Kedah supaya usaha kita yang murni ini dapat dijayakan dan dapat diterima baik oleh Pemuda di peringkat negeri," katanya.

Ariffin yang turut hadir berkata sudah sampai masanya beliau memberikan tumpuan yang lebih kepada jawatan baru beliau untuk membantu Badan Perhubungan Umno negeri.

Hishamuddin juga berkata "Peace Malaysia" yang dilancarkan Pemuda Umno, sebuah gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), untuk mengajak semua rakyat prihatin supaya sama-sama membantu mangsa jenayah perang, setakat ini mengumpulkan sebanyak 237 pertubuhan.

Ia mewakili tiga juta anggota yang akan membantu mangsa perang melalui pelbagai aktiviti yang akan dijalankan tidak lama lagi, katanya.

-- BERNAMA

SSA KHY RON